



ZULKIFLI ARIFFIN (empat dari kanan) bersama pelajar dan kakitangan PSP menunjukkan pingat emas yang dimenangi di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, baru-baru ini. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN

PSP gondol pingat emas di Filipina

PERMATANG PAUH 24 Julai - Perseidaan lebih setahun yang dilakukan Politeknik Seberang Perai (PSP) untuk menghadapi proses penilaian Majlis Persijilan dan Akreditasi Asia Pasifik (APACC) berbaloi apabila berjaya menggondol pingat emas.

PSP adalah salah sebuah daripada empat politeknik yang turut mendapat pingat emas iaitu Po-

liteknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang; Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak dan Politeknik Kota Bharu, Kelantan.

Menurut Pengarah PSP, Zulkifli Ariffin, pihaknya kini menurut jejak langkah tiga buah politeknik Premier yang telah menerima pengiktirafan itu tahun lalu iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor; Politeknik Ibrahim Sultan di Pasir Gudang, Johor; dan Politeknik Ungku Omar di Ipoh, Perak.

Katanya, pengiktirafan APACC adalah penting sebagai nilai tambah dalam pemasaran graduan PSP kerana graduan akan berpeluang menceburi pelbagai sektor pekerjaan sehingga ke luar negara dengan peluang pekerjaan yang meluas.

Selain itu jelasnya, PSP bakal menjadi Institusi Pengajian Tinggi Teknikal yang bertaraf

global dan berkualiti yang dikenali di persada dunia.

"Penilaian yang dibuat oleh panel APACC agak ketat kerana sebanyak tujuh kriteria diambil kira yang memerlukan setiap institusi mendapat markah melebihi 480 daripada 500 markah penuh.

"Kriteria yang dinilai adalah pentadbiran dan pengurusan, pengajaran dan pembelajaran, fakulti dan kakitangan, kajian dan pembangunan, rangkaian konsultansi, sumber serta sokongan kepada pelajar," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Majlis pengumuman dan penganugerahan pingat itu diadakan di Manila, Filipina pada 23 Jun lalu yang turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar dan Duta Malaysia ke Filipina, Datuk Mohd. Zamri Mohd. Kassim.

APACC adalah badan akreditasi di bawah Colombo Plan Staff College For Technician Education yang berpusat di Manila yang bertauliah untuk menilai dan memberi anugerah kepada institusi Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TEVT) yang layak.

PEMBERITAHUAN

Adalah diberitahu bahawa **TOU LEE NO. K/P: 791218-13-5906** telah membuat Permohonan Lesen Menjual Minuman Arak Rumah Awam Kelas 1, **SPARK PUB (JM 0714991-T)** di **NO. 67, JALAN MOLEK 3/10, TAMAN MOLEK, 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR.**

Sesiapa yang ingin membuat bantahan terhadap Permohonan ini hendaklah menghantarkan bantahan bertulis kepada **Pengerusi Lembaga Pelesenan Daerah, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru** tidak lewat daripada dua minggu dari tarikh pemberitahuan ini.

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA
DI JOHOR BAHRU DALAM NEGERI
JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA
DALAM PERKARA KEBANKRAPAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI
MALAYA DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR
DARUL TAKZIM, MALAYSIA